

BAB 2 SEJARAH KEDATANGAN ISLĀM DAN KEMUNCULAN PUSAT-PUSAT UTAMA PERKEMBANGAN ISLĀM

2.1 DEFINISI AGAMA ISLĀM

Perkataan *agama* berasal daripada bahasa Sanskrit. Dari segi etimologi, perkataan “*agama*” itu tersusun daripada dua suku kata iaitu “*A*” dan “*gama*” yang bermaksud “*tidak kacau*”. Manakala dari segi terminologi, agama merujuk kepada suatu kepercayaan tentang adanya suatu kuasa ghāib, kekuasaan agong yang mengatasi segala kekuasaan yang ada dalam ‘ālam ini iaitu kuasa yang menguasai manusia dan seluruh ‘ālam semesta ini (Muhd. Fauzi Haji Awang, 1964: 8).

Dari segi bahasa, perkataan *Islām* berasal daripada perkataan ‘Arab yang bererti menyerah, mematuhi dan menerima ikatan (Burhanuddin Hj. Abd. Latiff [terj.], 1988: 12). Ianya berasal daripada kata dasar *aslama* yang membawa erti penyerahan secara total kepada Allāh s.w.t. *Islām* sebagaimana yang dijelaskan oleh Allāh s.w.t. di dalam kitāb suci al-Qur’ān, adalah suatu agama yang benar di sisi Allāh, “Sesungguhnya agama yang diređai di sisi Allāh hanyalah Islām” (Terj. Sūrah ‘Alī ‘Imrān: 19). Islām bukan sahaja merupakan satu cara hidup, malahan merupakan satu-satunya cara hidup yang paling benar, sikap fikiran dan tingkah laku yang lurus, tepat dan suatu ideologi penghidupan yang mencakupi keseluruhan hidup umat manusia.

2.2 TEORI-TEORI KEDATANGAN ISLĀM DI ‘ĀLAM MELAYU

Secara ‘umūm terdapat tiga teori yang memperkatakan sejarah kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu. Antaranya ialah dari ‘Arab, China atau Indochina dan India. Namun, para sarjana dan pengkaji sejarah tidak bersepakat dan masih wujud kontroversi dalam menyatakan tarikh sebenar bilakah kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu, malahan tempat bertapak Islām dan dari mana agama Islām itu dibawa masih menjadi perbahasan mereka. Walau bagaimanapun, ramai pengkaji sejarah dan sarjana bersetuju tempat bertapak Islām di ‘Ālam Melayu ialah Sumatera atau Sumudera.

2.2.1 TEORI KEDATANGAN ISLAM DARI INDIA

Berdasarkan teori ini, terdapat beberapa orang pengkaji sejarah yang memberi hujah dan bukti-bukti berdasarkan hipotesis mereka. Malah mereka juga tidak bersepakat dalam menentukan daerah manakah di India yang membawa Islām ke ‘Ālam Melayu. Van Ronkel menyatakan bahawa Islām dibawa dari India Selatan dengan alasan bahawa semua bentuk-bentuk popular Islām seperti ciri-ciri mistik, sastera roman dan sebagainya berasal dari India Selatan (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1981: 316).

Manakala S.Q. Fatimi di dalam bukunya “*Islām Comes To Malaysia*” berpendapat Islām datang dari Bengal berdasarkan hujah bentuk batu nisan di Pasai itu mirip batu nisan di Bengal (1963 : 31-32). Hujah ini telah ditentang oleh J. P. Moquette, seorang sarjana Belanda dan R.A. Kern dengan mengemukakan bukti tentang adanya kesamaan batu-batu nisan di Pasai, kawasan Utara Sumatera (831 H/1428) dan di Gerisik, Jawa Timur (w.822/1419) dengan batu nisan di Cambay, Gujerat (*Ibid*). Tetapi, teori ini

disangkal oleh seorang Inggeris yang tinggal di Tanah Melayu iaitu G.E Morisson.

Beliau menyatakan ketika Samudera diislamkan, Gujerat dan daerah-daerah lain di India masih beragama Hindu (Dr. Azyumardi Azra, 1995: 26). Bengal yang lebih dahulu menerima Islām iaitu setelah ditawan oleh orang-orang Islām sejak abad ke-13 dan pada masa itu Gujerat bermadhhab Hanafī sedangkan Bengal menganut madhab Shafī'ī (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1981, Op cit: 316).

Sementara berdasarkan catatan ibn Batutah, ahli pengembara 'Arab dari Morocco yang pernah singgah sebanyak dua kali di Sumatera dalam perjalanan pergi balik ke China pada tahun 1345-1346 M menyatakan bahawa pada masa itu, Raja Samudera beragama Islām dan merupakan pengikut madhab Syafī'ī (D.G.E Hall, 1968: 206). Pandangan ini juga disokong oleh Arnold yang menyatakan bahawa Islām dibawa ke Nusantara dari Coromandel dan Malabar dengan melihat persamaan madhab fiqh di antara dua wilayah tersebut (T.W.Arnold, 1979: 368 dan Azyumardi Azra, 1995, Op cit: 26).

Selain itu, Marco Polo pengembara Venice, Itali pernah singgah di Perlak (*Perlec*) dalam perjalanan pulang dari istana Kublai Khan pada tahun 1292 M dan melihat terdapat banyak pedagang Islām di daerah tersebut, yang berusaha mengislamkan penduduk tempatan. Terdapat juga batu-batu nisan raja-raja Islām di Samudera (Sumatera), antaranya batu nisan Sultan Mālik al-Sālih, raja Islām Samudera pertama bertarikh 1297 M⁵ (D.G.E.Hall, 1968, Op cit: 205-206).

⁵ Lampiran 2.2.1 (a) menunjukkan gambar batu nisan sultan Mālik al-Sālih, raja Islām Samudera yang pertama.

Bagi S.M.N al-Attas, Moquette yang mengaitkan tempat asalnya batu-batu nisan bagi membuktikan tempat asal kedatangan Islām ke sesuatu kawasan ternyata adalah satu kekeliruan yang besar kerana batu-batu di sini cuma menunjukkan yang ianya mudah dipesan dari sana, bukannya menunjukkan Islām datang dari sana.

2.1.2 TEORI KEDATANGAN ISLĀM DARI CHINA ATAU INDO-CHINA

Selain daripada teori melalui India, terdapat juga pendapat yang menyatakan Islām datang ke ‘Ālam Melayu melalui China atau Indo-China. S.Q.Fatimi menyebut kewujudan kerajaan Champa (1000-1471) adalah didirikan oleh pelarian Syī‘ah ‘Alawīyyah dari Damsyiq (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1981, Op cit: 318). Sementara al-Mas‘ūdī pula menyebut tentang pemberontakan di Canton pada tahun 877 M yang turut mengorbankan sebahagian pedagang-pedagang beragama Islām iaitu sebanyak 120,000 hingga 200,000 orang yang terdiri daripada orang-orang ‘Arab dan Parsī (S.M.N. al-Attas, 1969: 11).

Menurut Dr. Abd. Jalil Hj. Hassan, berdasarkan catatan sejarah *Chau-Ju-Kua* (1225 M) terdapat negeri Islām yang dikenali sebagai *Fo-lo-an*. Hujah lain juga menyatakan kemungkinan *Fo-lo-an* ialah Kuala Brang di Terengganu yang menjalankan perniagaan dengan orang-orang ‘Arab dan Srivijaya. Penemuan batu bersurat (1303 M) di Kuala Brang, Terengganu menguatkan lagi hujah ini⁶. Batu ini merupakan prasasti yang paling tua yang pernah dijumpai setakat ini. Kandungan batu bersurat ini ialah susunan peraturan tentang undang-undang kekeluargaan dan hukum terhadap penzinaan.

⁶ Lihat lampiran 2.1.2 (a) yang menunjukkan batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 M.

Hujah lain pula, terdapatnya penempatan orang Islām di Phan-rang, Kemboja pada tahun 1039 M dan terjumpanya batu bersurat di Leran, Gerisek di Tanah Jawa pada tahun 1082 M menunjukkan Islām bertapak di kawasan ini (S.Q.Fatimi, 1963, Op cit: 38-43). Hāşil daripada fakta dan hipotesis di atas, jelas menunjukkan adanya kemungkinan Islām datang ke ‘Ālam Melayu melalui Indo-China.

2.1.3 TEORI KEDATANGAN ISLĀM DARI ‘ARAB ATAU PARSI

Selain daripada teori India dan China hāşil catatan sejarah menjelaskan bahawa kedatangan Islām di bawa terus dari ‘Arab atau Parsi. Penjelasan ini adalah berdasarkan kepada beberapa fakta dan bukti yang berikut. Melihat kepada proses islamisasi di Nusantara pada peringkat awal, orang ‘Arablah yang merupakan perintis awal kepada proses ini sebelum kedatangan mubaligh-mubaligh India. Saudagar-saudagar ‘Arab ini yang tiba di ‘Ālam Melayu sejak sebelum Islām lagi, datang melalui jalan laut dan jalan darat (Prof. A.Hasjmy, 1981: 176). Hujah ini juga disokong oleh Dr. Hamka dan Arnold dengan menyatakan bahawa semenjak awal abad pertama hijrah lagi orang-orang ‘Arab telah datang ke ‘Ālam Melayu melalui jalan tersebut (Dr.Hamka, 1977: 420). Sementara T.W. Arnold (1979: 367) dalam bukunya “*The Preaching of Islam*”, menyatakan kemungkinan Islām datang di Kepulauan Nusantara pada permulaan abad Hijrah, iaitu pada tahun 674 terdapat seorang pemimpin ‘Arab datang ke negeri China dan dia mempunyai pengikut-pengikutnya di Pantai Barat Sumatera.

Selain itu, dikatakan masyarakat Islām di ‘Ālam Melayu berpegang kepada madhhab Syāfi‘ī yang berkembang di Semenanjung Tanah Melayu. Al-Mas‘ūdī menyatakan bahawa pada tahun 265/877 sebanyak 120,000 atau 200,000 pedagang Islām

terutamanya dari ‘Arab dan Parsī telah lari akibat perang di Canton (S.M.N. al-Attas, 1969, Op cit: 11).

Dalam hal ini, S.M.N. al-Attas (1999: 33-34) yang merupakan seorang penyokong kuat teori ini bukan hanya melihat kepada faktor luaran (*external*) sahaja, malah juga menekankan kepada faktor dalaman (*internal*). Dari segi faktor dalaman, beliau melihat dari sudut bahasa dan kesusasteraan. Kebanyakannya merujuk kepada sumber-sumber tulisan lama Islām yang ditulis oleh orang-orang yang berasal dari ‘Arab atau Parsī.

Selain itu, kefahaman tentang agama Islām banyak dipengaruhi dari Timur Tengah. Contohnya, tulisan jawi dan huruf-hurufnya, cara bacaan al-Qur’ān, penjelasan ‘aqīdah dan sebagainya. Tidak ada langsung yang dikatakan hāsil rujukan dan bacaannya dipengaruhi dari India (Ibid). Beliau juga menegaskan bahawa teori ‘umūm berkaitan dengan proses ini memperlihatkan perubahan konsep-konsep dan sejarah Islām Melayu Indonesia telah membuktikan ia datang dari sumber asalnya iaitu ‘Arab. Contohnya, manuskrip-manuskrip yang ditulis dalam bahasa ‘Arab, Syarīah, Metafizik, Falsafah, semuanya dari bahasa ‘Arab dan Parsī (S.M.N. al-Attas, 1969, Op cit: 1-2).

Hujah dan penjelasan ini turut disokong oleh Hamka. Pengislaman masyarakat di ‘Ālam Melayu dilakukan oleh seorang Syeikh atau Wali Allāh dari ‘Arab. Alasannya ialah pada abad ke-19 M orang-orang ‘Arab telah mengadakan hubungan perdagangan dengan India dan Mesir sejak abad pertama hijrah lagi, di samping mengadakan hubungan dengan *Nanhai* (Asia Tenggara) sehingga abad ke-9. Maksudnya, mereka menguasai jalan perdagangan laut antara Mesir, India, Asia Tenggara dan China serta

mendirikan penempatan-penempatan di kawasan pantai Nusantara sejak abad pertama hijrah lagi.

Sementara hasil rumusan daripada beberapa seminar tentang kemasukan Islām ke Indonesia, menyatakan bahawa agama Islām dibawa masuk ke ‘Ālam Melayu terus dari ‘Arab, sedangkan Gujerat dan Coromandel hanya sebagai tempat persinggahan dalam perjalanan mereka ke ‘Ālam Melayu. Oleh kerana mubaligh-mubaligh Islām itu menggunakan bahasa ‘Arab, maka sudah semestinya mereka daripada bangsa ‘Arab (Dr. Ismail Hamid, 1986: 58).

Berdasarkan catatan Tiongkok pelopor utama kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu adalah dari ‘Arab pada abad ke-7 M (abad pertama hijrah) (Dr. Hamka, 1965: 432). Justeru itu, menurut Sir Thomas Arnold adalah amat sukar untuk mengetahui dengan tepat dan jelas tarikh Islām memasuki ‘Ālam Melayu. Kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu ini kemungkinannya di bawa saudagar-saudagar ‘Arab pada abad pertama hijrah (T.W.Arnold, 1979, Op cit: 367). Berdasarkan kepada tarikh ini, jelas kepada kita bahawa adalah sukar bagi pengkaji sejarah mengetahui tarikh sebenar kemasukan agama Islām ke ‘Ālam Melayu pada waktu itu.

Menurut sumber Cina, orang-orang ‘Arab telah sampai di Jawa dan membuat penempatan di Pantai Barat Sumatera pada kira-kira 684 M iaitu pada kurun ke-7 (W. Abdullah Hj. W. Mahmood dan Dra. Vista Ahmad, 1997: 213). Menurut sebuah kitāb negeri Perlak, sebuah angkatan da‘wah Islām di zaman khalifah al-Ma’mūn bin Hārūn al-Rasyīd telah sampai ke Perlak pada tahun 198 hingga 219 hijrah. Teori ini juga mendapat sokongan ramai ahli sejarah kerana jika dilihat kepada bidang kesusastraan

Islām, ramai di kalangan orang-orang ‘Arab dan Parsī yang merupakan penulis awal dalam bidang ini. Selain itu, terdapat tokoh-tokoh penda‘wah yang tercatat di dalam hikayat-hikayat lama Melayu berasal dari ‘Arab. Contohnya, Syeikh ‘Abd Allāh, Syarīf Mekah dan Syeikh Ismā‘īl. Manakala raja-raja yang menggunakan gelaran ‘Mālik’ seperti Mālik al-Sālleh, Mālik al-Mansūr dan lain-lain juga menunjukkan pengaruh ‘Arab.

Kesimpulannya, setelah melihat kepada beberapa pandangan ahli-ahli sejarah Islām dan Barat yang mengemukakan pandangan masing-masing berdasarkan bukti yang jelas, penulis ingin membuat rumusan bahawa kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu sebenarnya datang dari ‘Arab pada abad pertama Hijrah. Daerah yang pertama didatangi mereka ialah Pesisir Sumatera dan raja Islām yang pertama dikesan di Aceh. Secara kasarnya dapat dilihat bahawa terdapat banyak pengaruh luaran dan dalaman di dalam masyarakat Melayu-Islām yang dipengaruhi oleh ‘Arab. Häl ini dapat dilihat dengan jelas dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu dari aspek agama, bahasa, budaya, sastera dan sebagainya.

2.3 SEJARAH KEDATANGAN ISLĀM

Sejarah kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu sebenarnya bertitik tolak daripada hubungan awal antara orang-orang ‘Arab dan Parsi dengan penduduk di Nusantara. Keadaan ini dijelaskan dengan adanya hubungan secara langsung dan tidak langsung di kalangan mereka (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1990: 24). Ianya bermula sejak abad pertama hijrah lagi dengan adanya hubungan antara Timur Tengah (Asia Barat)

terutama Yaman, Mesopotamia, India dan China dengan 'Ālam Melayu. Faktor berlakunya keadaan ini adalah disebabkan oleh faktor perdagangan. Dalam hal ini, peranan penting perhubungan perdagangan bukan sahaja dipegang oleh orang-orang asing seperti 'Arab, India, Parsi dan China malah ianya juga dipegang oleh bangsa Nusantara sendiri (Kertas kerja Rancangan Pameran Hijrah abad ke-15, Bahagian Sejarah 2).

Selain itu, faktor politik juga memainkan peranan penting dalam hal ini. Keadaan politik yang tidak stabil di Hadra al Māut dan India selepas campur tangan British telah mendorong kaum Syed 'Alawiyah berpindah ke rantau Asia Tenggara (Mahayudin Hj. Yahaya, 2001: 10). Tambahan pula kedudukan geografi Asia Tenggara yang strategik sebagai pusat perdagangan turut menjadi pusat pertemuan pedagang-pedagang seluruh dunia daripada pelbagai kebudayaan dan kepercayaan (*Ibid* : 3-4).

Kedatangan Islam ke 'Ālam Melayu sudah lama dikesan iaitu sejak awal abad pertama hijrah lagi. S.Q Fatimi (1963, Op cit: 4) menyatakan bahawa sebelum tahun 1883, kedatangan Islam ke 'Ālam Melayu dibawa daripada 'Arab. Terdapat pelbagai pandangan yang berbeza berdasarkan fakta dan bukti yang jelas berkenaan hal ini. Berdasarkan laporan Marco Polo pada tahun 1292 beliau melawat Sumatera pada masa itu yang dikatakan terbahagi kepada lapan wilayah dan salah satu daripadanya ialah Perlak yang merupakan satu-satunya wilayah yang menerima Islam. Beliau menyatakan Perlak (*Perlec*) merupakan daerah yang pertama menerima Islam. Manakala Tome Pires pula menyatakan Aru (*Haru*). Berpandukan kepada *Hikāyat Raja-raja Pasai*, daerah yang pertama menerima Islam ialah Pasai (Russell Jones, 1987: 12-13). Berdasarkan

Sejarah Melayu, daerah yang mula-mula menerima Islām ialah Pangsr, Lamni, Aru dan Perlak (Cheah Boon Kheng, 1998: 106-107).

Berdasarkan fakta sejarah secara kronologi, penulis mendapati bahawa daerah yang pertama menerima Islām ialah Campa (abad 2-19 M). Oleh kerana ahli sejarah dan sarjana kurang ma'lumat berkaitan Campa, maka kebanyakan mereka mendapati bahawa Perlak adalah daerah pertama yang menerima Islām iaitu pada tahun 840 M/225 H (kurun ke-9), kemudian diikuti pula Samudera Pasai pada tahun 1042 M (kurun 13-14) dan seterusnya diikuti Melaka pada tahun 1400-1511 (kurun 15-16). Selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis, Aceh pula telah mengambil alih peranannya pada tahun 1511-1650 (kurun 16-17). Ini diikuti pula oleh kerajaan Johor-Riau pada tahun 1650-1800 (kurun 17-19). Sementara kedatangan Islām ke Brunei berlaku pada akhir kurun ke-15, Patani pada kurun 15-19 dan Pulau Jawa pada kurun ke 15-16.

2.4 KEMUNCULAN PUSAT-PUSAT UTAMA PERKEMBANGAN ISLĀM DI ‘ĀLAM MELAYU

2.4.1 CAMPA (ABAD 2-19 M)

Campa atau negeri orang Cam adalah negara Melayu kedua wujud di Asia Tenggara dan mungkin negara Melayu yang tertua di dunia. Namun, masyarakat Melayu Islām kurang mengetahui bahawa Campa adalah sebahagian daripada empayar Melayu yang terawal dan tertua di dunia dan kini ia dikenali sebagai Vietnam (Nik Mohd. Nik Mohd. Salleh dalam Tamadun Melayu, 1995: 1061). Hal ini berlaku disebabkan hampir

keseluruhan sejarah Campa ditulis dalam bahasa Perancis. Setakat ini hanya beberapa buah karya sahaja diterjemah ke dalam bahasa Melayu (Ibid: 1062). Campa wujud sekitar abad ke-2 hingga ke-15 M. Walau bagaimanapun, wilayah Campa di Selatan terus wujud sehingga abad ke-19 M. Ia merupakan empayar Melayu yang lebih tua daripada kerajaan Srivijaya (abad 7-13 M), Majapahit (13-15 M) dan Melaka (1400-1511 M) (Ibid: 1066-1067).

Menurut sumber Cina, negara itu pada mulanya disebut *Lin Yi* yang didirikan pada tahun 192 M sehingga pertengahan abad ke-8 M. Selepas itu orang Cina mula menyebut orang Campa sebagai *Huan-Wang*. Perubahan ini di ambil sempena pemindahan pusat kerajaan itu ke Selatan dari Amarawati (*Quang-nam*) ke Pandurangga (*Phang-rang*) dan Kauthara (*Nha-thrang*) (Ibid: 1071). Negeri Campa telah disebut dalam prasasti-prasasti seperti *prasasti Kutि* (abad ke-8) dan *prasasti Kaladi* (abad ke-10). Ia juga disebut dalam *syair Nagara Kertagama* (abad ke-14), naskah sastera klasik Melayu dan sastera daerah seperti *Sejarah Melayu* dan lain-lain (Abd. Rahman al-Ahmadi, 1988: 73).

Campa yang terletak di Semenanjung Indo-China dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan negeri-negeri Kepulauan Melayu seperti Majapahit, Aceh, Makasar, Melaka dan Kelantan (Ibid: 1074). Hubungan Campa dengan ‘Alam Melayu sudah lama bermula dengan merujuk kepada prasasti tertua berbahasa Melayu kuno Campa abad ke-4 yang dijumpai di *Jong-Yen C'hau* di Teluk Tourance. Prasasti ini lebih tua jika dibandingkan dengan prasasti Melayu kuno Sumatera Selatan abad ke-7 dan Gandasuli di Jawa Tengah abad ke-9 (Abd. Rahman al-Ahmadi, 1988, Op cit: 73).

Sebenarnya sejarah kedatangan Islam di Campa tidak diketahui dengan tepat. Namun berdasarkan tarikh yang terdapat pada dua batu bertulis (bersurat) jelas menunjukkan bahawa agama Islam telah pun sampai di Campa pada tahun 1000 M dan kemungkinan lebih awal dari tarikh itu, iaitu sekitar abad ke-10 M. Berdasarkan batu bersurat yang ditulis dalam bentuk tulisan khat Kufi yang bertarikh tahun 1039 M⁷ dan batu bersurat yang bertarikh antara tahun 1025 M-1035 M⁸ yang dijumpai di daerah Phang-rang, Campa Selatan jelas menunjukkan bahawa agama Islam telah sampai dan tersebar di kawasan tersebut. Tidak ada bukti yang menunjukkan agama Islam tersebar di kawasan lain di daerah Campa. Pada zaman purbakala, Phang-rang dikenali sebagai Panduranga iaitu sebuah bandar yang terpenting bagi kerajaan Campa dan pernah menjadi ibu kota Campa sekitar tahun 1477 hingga tahun 1820 M. Akhirnya orang Vietnam merampas wilayah Campa dan ia dijadikan sebahagian daripada negara mereka Annam (Vietnam) (Nik Mohd. Nik Mohd. Salleh dalam Tamadun Melayu, 1995, Op cit: 1081-1082).

Hubungan perdagangan antara Semenanjung Indo-China dengan Semenanjung Tanah Melayu telah wujud sebelum abad ke-15 lagi. Menurut catatan Campa kedatangan kapal-kapal Melayu di pelabuhan Vijaya dan Panduranga (Campa) wujud semenjak sebelum abad ke-15 lagi. Keadaan ini menunjukkan bahawa hubungan perdagangan ini telah wujud sebelum kerajaan Campa menerima pengaruh Islam lagi iaitu pada masa kerajaan itu berpegang kepada ajaran Hindu. Para pengkaji sejarah menyatakan pelabuhan Campa amat sesuai sebagai tempat persinggahan kapal-kapal untuk mendapatkan bekalan makanan dan air (Pierre-Bernard Lafont dalam Dunia Melayu dan Dunia Indocina, 1995: 4).

⁷ Lihat lampiran 2.4.1 (a) yang menunjukkan batu Bersurat yang bertarikh 1039 M yang dijumpai di Phang-rang.

⁸ Lihat lampiran 2.4.1 (b) yang menunjukkan batu Bersurat yang bertarikh 1025-1035 M juga dijumpai di Phang-rang.

Dalam bidang kesusasteraan Campa, ternyata wujudnya pengaruh agama Islām sama ada dalam bentuk versi Melayu atau versi Campa, tetapi pengaruh Islām lebih kuat dalam versi Melayu. Contohnya, *istilāh-istilāh* bahasa ‘Arab seperti kopiah [Cam: kupiah], Masjid [Cam: magik], Juma‘at [Cam: Jamaat] dan sebagainya. Dalam versi Melayu ada menyebut seruan kepada Tuhan manakala dalam versi Campa tidak ada seruan kepada tuhan. Selain itu, nama-nama tokoh yang berasal dari ‘Arab atau Parsī seperti Nobat Rom Syah [versi Cam: Rabap Aro Sah], Mālik Zahab [versi Cam: Manlap Dalap] dan sebagainya (G.Moussay, 1989: 8).

Seterusnya, Campa juga mengadakan hubungan akrab dan erat dengan dunia Melayu terutamanya dengan Kelantan. Ini jelas terbukti melalui pengaruh-pengaruh Campa di Kelantan seperti nama tempat Pengkalan Cepa, Tanjak Cepa, Kampung Cepa, Sutera Cepa, Keris Cepa, Padi Cepa dan lain-lain. Dijelaskan bahawa tokoh penyebar Islām di Campa bernama *Po Allah*⁹ ada kaitan dengan Kelantan. Dinyatakan juga bahawa nama ini bukan nama orang tetapi adalah nama gelaran bagi tokoh yang menyebarkan Islām di Campa yang bernama Sidhapaksa. Selain itu, gelaran nama Nik yang digunakan di Kelantan dan Terengganu juga dihubungkan dengan nama-nama candi di Campa sebelum abad ke-10 sehingga abad ke-13 bagi menunjukkan status nama dalam sistem kebangsawanan di Campa (Abd. Rahman al-Ahmadi, 1998, Op cit: 85).

2.4.2 PERLAK (840-1292)

Kerajaan Perlak merupakan kerajaan Islām tertua di Nusantara (W.Abdul Rahman Latif, 1996: 120). Ia ditubuhkan pada tahun 225 H/840 M. Sultan yang pertama ialah Sāyyid

⁹Gelaran *Po Allah* diberi kerana beliau sentiasa berdhikir menyebut nama Allāh.

Māulānā ‘Abd al-‘Azīz Syah dengan gelaran Sultān ‘Alau al-Dīn Syed Māulānā ‘Abd al-‘Azīz Syah (Prof.A.Hasjmy, 1981: 195). Kerajaan Perlak terus berkembang sehingga akhir abad ke-13 M iaitu pada zaman pemerintahan Sultān yang terakhir Makhdum ‘Alau al-Dīn Mālik ‘Abd. ‘Azīz Johan. Beliau memerintah dari 662-692 H (1263-1292 M) (M.Junus Djamil, Silsilah Tawarich Radja-radja Kerajaan Acheh , bhn stensil, 1968: 4).

Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islām di Aceh pada Julai 1978, menegaskan bahawa kerajaan Islām pertama adalah Perlak, Lamuri dan Pasai (Prof.A.Hasjmy, 1981, Op cit: 143). Pada masa itu, Perlak telah menjadi pusat perniagaan yang maju di Nusantara dan menjadi tempat tumpuan pedagang-pedagang Islām terutamanya dari ‘Arab dan Parsī. Mereka telah menjadikan Perlak sebagai pusat penyebaran Islām di Nusantara (Ibid: 202). Hal yang demikian turut dijelaskan dalam kitāb-kitāb *Idhā al Haq*, *Silsilah Raja-raja Pasai* dan *Tazkīrah Thabāqāt Jumu Sulthān al-Salathin* (Ibid: 144).

Perkembangan Islām di Perlak turut mempengaruhi Semenanjung Tanah Melayu, apabila Sultān Makhdum ‘Alau al Dīn Mālik Muhammad telah mengahwinkan puteri beliau yang bernama Puteri Ratna Kemala dengan Raja Melaka¹⁰ dan mengahwinkan puteri kedua beliau yang bernama Puteri Ganggang dengan Mālik al-Šāleḥ Merah Silu¹¹ (Muhd Junus Djamil, 1968: 4).

Berdasarkan keterangan Marco Polo, seorang pengembara Itali yang tiba di Sumatera dalam perjalanan pulang dari China dan singgah di Sumatera pada tahun 1292 M,

¹⁰ Parameswara memeluk Islām pada tahun 1414 dan namanya ditukar kepada Iskandar Syah.

¹¹ Sultān Samudera Pasai yang pertama menerima Islām.

mendapati bahawa Perlak pada masa itu sudah berpegang kepada ajaran Islām (S.Q.Fatimi, 1963, Op cit: 8). Agama Islām disebarkan di kawasan ini, berdasarkan madhhab Syī‘ah. Namun demikian, hāsil daripada kegiatan pedagang Islām yang lain, agama Islām dari madhhab Ahli al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah juga disebarkan di sini. ‘Aqībaṭ daripada kemasukan ini, berlaku perbalahan antara dua madhhab sehingga terbahaginya kerajaan Perlak kepada dua bahagian iaitu Perlak Pesisir¹² dan Perlak Pedalaman¹³. Pada tahun 375-986 M, kerajaan Srivijaya telah menyerang kerajaan Perlak dan meng‘aqibatkan Sultān ‘Alau al Dīn Syed Maūlānā mangkat. Maka kerajaan Perlak telah disatukan di bawah pemerintahan Sultān Makhdum ‘Alau al Dīn Mālik Syah Johan (Prof.A.Hasjmy, 1981, Op cit: 199-200). Kerajaan Perlak dapat bertahan sehingga tahun 1292 M. Selepas pemerintahan Sultān yang terakhir, Sultān Makhdum ‘Alau al Dīn Mālik ‘Abdul ‘Azīz Syah Johan berdaulaṭ (1263-1292), kerajaan Perlak semakin lemah. Ianya bukan dihancurkan oleh kerajaan lain tetapi telah disatukan dengan kerajaan Islām Samudera Pasai di bawah pemerintahan Sultān Mālik al-Zāhir, iaitu putera Sultān Mālik al-Sālih (W.Abdul Rahman Latif, 1996, Op cit: 121).

2.4.3 SAMUDERA-PASAI (1042-1450)

Kerajaan Pasai didirikan pada tahun 1042 M. Raja yang pertama ialah Meurah Khāir dengan gelaran Maharaja Mahmūd Syah. Beliau memerintah sehingga tahun 470 H/1078 M. Selepas itu Pasai diperintah oleh beberapa orang raja (Prof.A.Hasjmy, 1981, Op cit: 202). Pada abad ke-7 H/13 M, kerajaan Pasai (Samudera) dikatakan kerajaan

¹² Perlak Pesisir diwakili oleh golongan Syī‘ah telah melantik Sultān ‘Alau al Dīn Syed Maūlānā Syah.

¹³ Perlak Pedalaman diwakili oleh golongan Ahli al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah telah melantik Sultān Makhdūm ‘Alau al Dīn Mālik Ibrāhim Syah Johan.

pertama di Kepulauan Melayu yang menjadikan Islām sebagai agama rasminya (Dr. Othman Mohd. Yatim dan Abdul Halim Nasir, 1990: 13).

Berdasarkan catatan *Sejarah Melayu* (*The Malay Annals*), Merah Silu merupakan raja Pasai yang pertama menerima Islām dengan gelaran Mālik al-Sālih. Penemuan batu bersurat Sultān Mālik al-Sāleh pada tahun 1297 M¹⁴ telah membuktikan kedatangan Islām di Samudera-Pasai. Beliau telah berkahwin dengan puteri raja Perlak. Hāsil perkahwinan mereka dikurniakan dengan dua orang putera iaitu Mālik al-Tāhir dan Mālik al-Mansūr (1998: 108-109). Islām berkembang di Samudera Pasai¹⁵ dibawah pemerintahan Sultān Ahmad Bahain Syah Mālik al-Zāhir yang menduduki takhta kerajaan Samudera pada tahun 1326 M/727 H hingga 750 H/1349 M. Pada waktu itu, Arnold menyifatkan bahawa raja memainkan peranan yang cukup penting dalam penyebaran Islām. Beliau dikatakan suka mengadakan perbincangan dengan fuqahā' dan 'ulamā' Islām. Pada tahun 1345 M ibn Batutah tiba di Samudera dan beliau menyatakan bahawa raja-raja dan 'ulamā'-ulamā' pada masa itu amat cintakan 'ilmu dan berperanan penting bagi menyebarkan syī'ar Islām di Samudera Pasai (Prof.A.Hasjmy, 1981, Op cit: 204-208).

Keadaan ini menjadikan Pasai terkenal sebagai pusat penyebaran Islām. Dikatakan telah menjadi pusat pengajian Islām yang terawal di Kepulauan Melayu pada kurun ke 8-14 M di bawah pemerintahan Mālik al-Zāhir (S.M.N. al-Attas, 1969, Op cit: 12). Bermula dari sini Pasai telah membawa sinar baru bagi seluruh kepulauan Melayu-Indonesia. Oleh kerana baginda amat cintakan 'ilmu pengetahuan, baginda telah membuka ruang

¹⁴ Batu nisan ini juga digelar batu Aceh yang terdapat ukiran nama al-Marhūm serta tarikh kemangkatan baginda. Di samping terukir juga sepotong ayat yang dipetik daripada al-Qur'ān (50: 22-24) dan sebuah puisi sūfi (Dr. Othman Yatim dan Abdul Halim Nasir, 1990: 8).

¹⁵ Kerajaan Samudera, dahulunya dikenali sebagai Pasai, yang menjadi suatu negeri dan kerajaan yang penting dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap daerah-daerah Islām sekeliling.

kepada penda‘wah-penda‘wah dan golongan cerdik pandai dari negara Islām yang lain untuk datang mengembangkan Islām di Pasai. Antaranya ialah Amir Sāyyid dari Shirāz, Taj al-Dīn dari Isfahān, Amīr Delwasā dari Delhi dan ‘Abd Allāh ibn Muhammad al-Munyāsir yang berketurunan khalīfah Abbāsīyyah di Baghdad (Dr. Ismail Hamid, 1986, Op cit: 88).

Di samping itu, Pasai juga dijadikan tempat muzākarah bagi ‘ulamā‘-‘ulamā‘ Islām dan ahli teologi dari dunia Islām. Selain itu, usaha-usaha penterjemahan buku-buku agama dari bahasa ‘Arab kepada bahasa tempatan giat dijalankan di samping menterjemah sejarah kebudayaan Islām (Auni Hj. Abdullah, 1974: 220). Dikatakan pada zaman Sultān Mansūr Syah, seorang teologi Islām iaitu Maūlānā Abu Bakar yang datang dari Makkah telah membawa buku *al-Dūr al-Manzūm* yang telah diterjemahkan oleh Tuan Pematakān dari Pasai untuk dihadiahkan kepada Sultān (Cheah Boon Kheng, 1988: 183).

Kerajaan Pasai juga berperanan sebagai pusat perdagangan yang terpenting berdasarkan kedudukannya yang strategik sebagai sebuah pelabuhan Timur Laut Sumatera (Auni Haji Abdullah, 1974, Op cit: 219). Setelah Pasai mempunyai pengaruh yang besar ia cuba memperluaskan pengaruhnya bagi mengembangkan agama Islām ke seluruh Nusantara termasuk di Kepulauan Jawa (1419 M) dan Sumatera. R.A Kern menyatakan bahawa Jawa telah diislāmkan oleh Melaka (D.G.E. Hall, 1968, Op cit: 213). Kemudiannya agama Islām terus berkembang di Tanah Melayu setelah Parameswara iaitu raja Melaka, memeluk Islām pada tahun 1414 M (S.Q. Fatimi, 1969, Op cit: 86).

2.4.4 MELAKA (1400-1511)

Apabila kekuasaan politik Pasai semakin merosot, Melaka telah mengambil alih peranannya sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islām yang utama di ‘Ālam Melayu. Melaka semakin menonjol apabila Parameswara diislamkan pada tahun 1414 oleh Sāyyid ‘Abd. ‘Aziz dan dinamakan Sultān Iskandar Syah. Kemudian beliau berkahwin dengan puteri Raja Pasai¹⁶. Beliau memainkan peranan yang cukup penting dalam membangunkan Melaka sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islām di Nusantara. Pada abad ke-15, Melaka telah muncul sebagai pusat perdagangan utama di Nusantara. Melaka dikatakan pelabuhan tersibuk di dunia seperti yang dinyatakan oleh Tomes Pires pada tahun 1512 dalam *Suma Oriental* of Tome Pires iaitu:

No trading port as large as Malacca is known nor anywhere they deal in such fine and highly prized merchandise. There is no doubt that the affairs of Malacca of great importance, and of much profit and great honour. It is a land that cannot depricite, on account of its position, but must always grow (Armando Cortesao (ed.), 1944: 285-286).

Oleh itu, Melaka telah dapat menguasai jalan perdagangan dan dapat membina jaringan perdagangan melalui Laut China Selatan. Menurut Prof. P.B. Lafont, Melaka telah menjadi sebuah pelabuhan entrepot pada awal abad ke-15 (Tan Sri Ismail Hussien, et al, 1995: 3). Kenyataan ini turut disokong oleh D.G.E. Hall (1969: 196) bahawa Melaka merupakan pusat perdagangan yang terpenting di Asia dan juga sebagai pusat penyebaran Islām yang utama di rantau ini. Kapal-kapal perniagaan dari pelbagai bangsa telah berkumpul di Melaka. Antaranya kapal-kapal perniagaan dari ‘Arab, Parsi dan India (Prof Khoo Kay Kim, et al, 1980: 146). D.G.E. Hall (1969, Op cit: 196)

¹⁶ Puteri Ratna Kemala.

menyatakan bahawa Melaka merupakan pusat perdagangan yang terpenting di Asia dan juga sebagai pusat penyebaran Islām yang utama di rantau ini.

Selain itu, kedudukan geografi serta kedudukan politik juga turut membantu Melaka terkenal di seluruh ‘Ālam Melayu pada masa itu. Semasa pemerintahan Sultān Muzāffar Syah (1446-1459), Islām benar-benar teguh. Agama Islām dijadikan agama rasmi di Melaka. Gelaran raja ditukar kepada Sultān. Di samping itu, tentera berjaya menyekat serangan-serangan tentera Siam dari Thailand (Khoo Kay Kim, et al, 1980: 146). Keadaan ini menyebabkan Melaka berjaya menjadi pusat penyebaran Islām di Nusantara. Melaka juga berjaya meluaskan pengaruhnya di seluruh Gugusan Kepulauan Melayu dengan cara menghantar penda‘wah atau mubaligh untuk menyampaikan da‘wah Islām di seluruh pelusuk ‘Ālam Melayu termasuk Pahang, Johor, Jambi, Kampar, Bengkalis, Bintang dan Pulau Karimon (Ibid: 147).

Menurut R.A. Kern, Jawa telah diislamkan oleh Melaka (Ismail Hamid, 1983: 20-21). Sementara menurut C.A. Majul (1973: 72-73) pula, penda‘wah-penda‘wah dari Melaka juga turut mengembangkan Agama Islām hingga ke Filipina. Ini telah digambarkan dalam *Sejarah Melayu*:

...Terlalu sekali ‘ādil baginda ... Maka negeri Melaka pun besarlah dan jajahan makin banyak... maka merangkumlah pada segala negeri, negeri Melaka terlalu besar lagi dengan ma‘mūr... maka segala raja-raja sekalian pun datanglah ke Melaka ... terlalu ramai Bandar Melaka ... (1998:86).

Peranan ahli tasawwuf juga begitu penting dalam penyebaran Islām di kalangan masyarakat Melayu. *Hikāyat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah Melayu* telah mencatatkan kisah seorang berbangsa ‘Arab bernama Syed ‘Abd. al-‘Azīz yang mengislamkan raja

Melaka iaitu Parameswara yang kemudiannya digelar Iskandar Syah (Mahayudin Hj. Yahaya, 1998: 20). Para penda'wah telah diberi perlindungan dan mempunyai peranan penting dalam penta'biran. Wakil-wakil telah dihantar ke Pasai untuk membincangkan soal-soal agama.

Semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah, Melaka muncul sebagai sebuah empayar Islām yang tidak dapat ditandingi kekuatan dan kekuasaannya di Gugusan Kepulauan Melayu kecuali empayar Majapahit yang pada masa itu mulai menurun (Prof. Khoo Kay Kim, et al, 1980, Op cit: 147).

Peranan sultan dan pembesar Melaka cukup penting dalam mempelajari 'ilmu pengetahuan. Galakan ini mendapat sambutan bukan sahaja daripada rakyat jelata malah golongan bangsawan juga turut berminat (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1990, Op cit: 60). Selain itu pelajar-pelajar dari luar juga datang untuk mempelajari 'ilmu agama di Melaka. Antaranya tokoh *Wali Songo* seperti Sunan Giri dan Sunan Bonang yang menjadi penda'wah terkenal di Jawa. Mereka mempelajari pelbagai 'ilmu Islām termasuklah Hadīth, Syar'i'ah dan sebagainya (Hussin Mutalib dalam Islamic Civilization in the Malay World, 1997: 9).

Surau (*madrasah*), masjid dan rumah-rumah pembesar dijadikan tempat pengajian mereka. Manakala istana dijadikan sebagai perpustakaan atau tempat penterjemahan seperti *Hikāyat Muhammad Ali Hanafiah*, *Hikāyat 'Amīr Hamzah* dan *al-Durr al-Manzūm* telah disimpan di istana Melaka. Di samping itu, istana Melaka juga dijadikan sebagai tempat perbincangan 'ilmu agama dan pusat pengajian putera-putera raja dari segenap jajahan takluk Melaka (Dr. Ismail Hamid, 1985: 44). Menurut D.G.E Hall,

peranan istana Melaka bukan sahaja sebagai pusat pengajian Islām malah menjadi pusat da'wah bagi 'ulamā'-‘ulamā’ untuk menyebarkan Islām. Beliau menegaskan:

Mereka juga memperkenalkan intelek-intelek dan ‘ulamā’-‘ulamā’ Islām untuk memperkuatkan lagi pegangan raja-raja itu dan untuk menuhuhan pusat-pusat penyebaran Islām. Istana-istana menjadi pusat pengajian Islām dan mengeluarkan banyak juga hāṣīl-hāṣīl sastera yang sebahagian besarnya masih lagi terdapat pada hari ini.

Keadaan ini bukanlah sesuatu yang baru berlaku malah sudah wujud sejak zaman Bani ‘Abbāsīyyah dan Bani Umāiyyah (Abd. Rahman Hj. Abdullah, Op cit, 1990: 58-60). Kebanyakan guru mereka adalah dari ‘Arab. Antaranya Makhdum Sāyyid ‘Abd. al-‘Azīz, Maūlānā Abu Bakar, Maūlānā Jalal al-Dīn dan sebagainya (*Ibid*: 59).

Dalam *Sejarah Melayu* dijelaskan bahawa Maūlānā Abu Bakar seorang teologi Islām datang dari Makkah dengan membawa kitāb *al-Dūr al-Manzūm* untuk dihadiahkan kepada Sultān Mansūr Syah. Kitāb ini kemudian telah dihantar ke Pasai untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (Cheah Boon Kheng: 1998, Op cit: 183).

Hāṣīl daripada penyebaran Islām yang semakin pesat menyebabkan Melaka muncul sebagai pusat perkembangan kesusasteraan, tasawwuf, kebudayaan dan perundangan. Perkembangan sastera semakin berkembang sehingga lahir buku-buku kesusasteraan Islām yang terkenal yang menceritakan kepahlawanan Islām iaitu *Hikāyat Muhd. Ali Hanafiah* dan *Hikāyat Amir Hamzah* yang di terjemah ke dalam bahasa Melayu. Menurut *Sejarah Melayu* buku-buku itu telah dibaca untuk meningkatkan semangat para perajurit Melayu menentang Portugis (Mohd. Jamil Mukmin, 1992: 316).

Hasil-hasil karya lain seperti *Hukum Qanun Melaka*, *Cerita-cerita berbingkai* dan *Cerita-cerita Nabi* (Auni Hj. Abdullah, 1974, Op cit: 226). Dalam bidang perundangan, pengaruh Islam jelas terdapat di dalam *Hukum Qanun Melaka*¹⁷ yang menjadikan hukum Islam sebagai dasar perundangan. Adalah jelas bahawa Melaka merupakan kerajaan Melayu Tua yang pertama dan terawal mempunyai undang-undang bertulis. Di samping itu, terdapat juga *Undang-undang Laut Melaka*¹⁸.

2.4.5 ACEH (1511-1650)

Selepas kejatuhan kerajaan Melaka, Aceh mengambil alih peranan sebagai pusat penyebaran Islam, pusat perdagangan dan pusat kebudayaan yang terpenting di Asia Tenggara. Aceh muncul sebagai sebuah kerajaan yang kuat dan mencapai zaman kegemilangan selepas tahun 1511 M. Dengan kedudukan yang strategik, Aceh berjaya menguasai perdagangan pantai barat Sumatera dan Selat Melaka. Aceh telah memberi perlindungan dan kemudahan pelayaran di persisiran pantai Sumatera. Pembukaan lebih banyak pelabuhan-pelabuhan kecil di Aceh di Pantai barat Sumatera menyebabkan Aceh menjadi pusat perdagangan yang terkenal di Nusantara. Keadaan ini menjadikan Aceh sebagai pusat tumpuan perdagangan dari India, Belanda, China dan Arab selepas kejatuhan Melaka.

¹⁷ Kandungannya meliputi tanggungjawab raja dan pembesar-pembesar, pantang larang di kalangan anggota masyarakat, hukuman ke atas kesalahan jenayah dan 'awam, undang-undang keluarga, 'ibadah, mu'amala' dan sebagaimanya. Teks undang-undang yang digunakan disini ialah teks penyelenggaraan terbaharu oleh Liaw Yock Fang (ed), *Undang-undang Melaka*, The Hague, 1976.

¹⁸ Ia juga dikenali sebagai Hukum 'Adat yang didasari kepada 'adat Temenggung. Undang-undang Laut Melaka ianya merangkumi bidang-bidang berkaitan laut seperti tanggungjawab pegawai-pegawai kapal, aturcara pelayaran dan perniagaan, hukuman kepada kesalahan jenayah/syarfah Islam (Muhsin Yusuf Hashim, t.thn: 4)

Di samping itu, Aceh telah menjalankan dasar perluasan wilayah. Aceh menjalankan hubungan luar dengan kerajaan Islām di Mekah, Mesir, Turki dan India bagi mengukuhkan kedudukannya (Dr. Ismail Hamid, 1986, Op cit: 125). Aceh juga berjaya mena'luki negeri-negeri kecil di Utara dan Selatan Tanah Melayu seperti Johor, Perak, Kedah dan Pahang. Contohnya, berlaku hubungan yang rapat di antara Aceh dengan Kedah sehingga wujudnya kampung-kampung Aceh di Kedah seperti di Yan, Sungai Limau, Merbok dan lain-lain (Mohd. Yusuf Hasan, 1991: 40). Aceh juga menjalinkan hubungan dengan Sumatera, Aru, Siak, Deli dan Asahan. Hasilnya, Aceh muncul sebagai kuasa politik yang kukuh dan menjadi pusat penyebaran Islām yang terkenal pada kurun ke-16.

Selain itu, Aceh juga berperanan penting sebagai pusat pengajian Islām. Peranannya cukup besar dalam mencetuskan kebangkitan tradisi ke'ilmuan di seluruh 'Ālam Melayu. Sistem pendidikan dasar bermula di *Meunasah* (madrasah)¹⁹. Pada peringkat menengah, mereka diajar di *rangkang*²⁰. Selepas peringkat menengah, pelajar meneruskan pelajaran di peringkat tinggi iaitu di *Balee*. Hāṣil daripada pengajian di peringkat ini, Aceh dapat melahirkan sebuah kompleks pendidikan yang terkenal dengan nama *Dayah*²¹ (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1990, Op cit: 61). Bagaimanapun, masjid juga berperanan sebagai pusat pengajian tinggi. Antaranya, masjid *Bait al-Rahīm*, masjid *Bait al-Rahmān* dan masjid *Bait al-Musyāhadah*. Guru-guru terdiri daripada 'ulamā' dari India, Syria dan Egypt.

¹⁹ Murid-murid diajar pra pembelajaran seperti membaca al-Qur'ān, cara ber'ibadah, akhlāq, rukun iman, kisah-kisah sejarah Islām dan sebagainya.

²⁰ Mereka mempelajari bahasa 'Arab, Ilmu Tawhīd, Ilmu Fiqah, Tasawwuf, Ilmu Hisāb dan sebagainya.

²¹ Dayah berasal dari perkataan 'Arab Zawiah dan menurut istilah Sufiah: *Zawiah* ialah tempat khusus bagi ṣūfī berkhalwat untuk berdhikir kepada Allāh s.w.t.

Pemerintah Aceh telah menggalakkan ‘ulamā’-‘ulamā’ dari luar untuk datang mengembangkan Islām di Aceh. Antaranya, Syeikh ‘Abdul Khāir ibn Syeikh Ibn Hajar dan Syeikh Muhd Yamani seorang ahli fiqh dan pengarang kitāb *Saif al-Qāti* iaitu sebuah kitāb Tasawwuf yang terkenal di Asia Tenggara. Kedua-dua mereka datang dari Makkah. Manakala Syeikh Muhd Jailani al-Ranīrī datang dari Gujerat (W. Abd. Rahman Latif, 1996: 131).

Namun dalam hāl ini, Aceh juga mempunyai barisan ‘ulamā’ yang begitu ‘ārif dalam bidang masing-masing seperti Hamzah Fansūrī, Syām al Dīn al-Sumatrā’i dan Abdul Ra’uf Singkel al-Fansūrī. Dalam usaha untuk mengembangkan Islām, tidak dapat dinafikan ahli ṣūfī (tasawwuf) juga berperanan penting. Antaranya, peranan *Wali Songo* iaitu Sonan Bonang dan Sunan Giri dari Jawa (S.M.N. al-Attas, 1969, Op cit: 12).

Selain itu, wujudnya pusat-pusat pengajian Islām seperti *Jami’ah Bait al Rahmān*. Universiti ini mempunyai beberapa fakulti yang dikenali sebagai *Dār*²² (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1990: 62). Di samping itu, lahir pusat perkembangan bahasa dan kesusasteraan hāṣṭil daripada galakan ‘ulamā’. Banyak karya sastera dihasilkan. Antaranya, karya-karya Hamzah Fansūrī, Syām al Dīn al-Sumatrā’i dan ‘Abdul Ra’uf Singkel. Dalam masa yang sama, mereka berperanan sebagai ahli tasawwuf yang banyak menghasilkan buku-buku pengetahuan Islām yang berkaitan sejarah, agama dan sastera. Perbendaharaan bahasa Melayu pula banyak dipengaruhi oleh perkataan ‘Arab. Hāṣṭil usaha ‘ulamā’ dan penda‘wah telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua franca*.

²² Antara dār-dār tersebut ialah: *Dār al-Tafsīr wa al-Hadīth*, *Dār al-Ahkām*, *Dār al-Kalām*, *Dār al-Nāḥi*, *Dār al-Mazāhib*, *Dār al-Falsafah*, *Dār al-Sīasah* dan sebagainya.

Hasil daripada peranan Sultan dan pemerintah serta disusuli dengan kegiatan penda'wah dan seluruh rakyat Aceh yang cintakan Islam menyebabkan Aceh telah menjadi sebuah negara Islam yang kuat dan digelar sebagai *Serambi Makkah* (Mohd Jamil Mukmin, 1992, Op cit: 317).

Dalam bidang kesusasteraan, banyak dihasilkan karya-karya sastera seperti karya Hamzah Fansuri yang mempunyai nilai yang tinggi dan pengaruhnya yang besar dalam bahasa dan sastera Melayu. Hamzah Fansuri merupakan penyajak Melayu pertama yang banyak menggunakan bahasa Melayu secara rasional dan sistematik. S.M.N. al-Attas (1999: 20) menyatakan bahawa Hamzah Fansuri perlu diakui sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Modern. Antara karya beliau yang bercorak puisi ialah *Sya'ir Perahu*, *Sya'ir Dagang*, *Sya'ir Burung Pungguk* dan *Burung Punggai*. Manakala karangannya yang bercorak prosa ialah *Syarab al-Syikin*²³ dan *Asrār al-'Arifin*²⁴ (Mohd Yusuf Hasan, 1991: 41-43). Aliran baru yang dibawa oleh beliau turut diikuti oleh Syeikh Nur al-Din al-Raniri yang juga menulis dalam bahasa Melayu seperti *Bustān al-Salatīn* (Taman Segala Raja-raja), *Akhbar al-Akhīrah*, *Tibyah Fi Ma'arifah al-Adyan* dan *Dūr al-Farāid bi Syarahil Aqaid*.

Sementara Syeikh 'Abd al-Rauf Singkel al-Fansuri menulis sebuah kitab 'ilmu tafsir al-Qur'an saduran yang pertama ditulis dalam bahasa Melayu iaitu *Tarjumah al-Mustafid* atau lebih dikenali sebagai *Tafsir Baidhawi*²⁵ dan *Miratuhth Thulāb* yang menceritakan tentang hukum Islam. Manakala Syams al-Din al-Sumatrī juga menulis buku-buku

²³ *Syarab al-Syikin* bermaksud minuman bagi orang yang cinta Tuhan.

²⁴ *Asrār al-'Arifin* bermaksud rahsia orang yang bijaksana.

²⁵ Peter Riddell tesis Ph. D beliau setelah meneliti dan membincangkan *Tarjuman al-Mustafid* oleh 'Abdul Ra'uf dengan *Tafsir al-Baidhawi* dan *tafsir al-Jalālāin*, mendapati bahawa tafsir 'Abdul Ra'uf itu sebenarnya berasaskan *Tafsir al-Jalālāin* bukannya *al-Baidhawi* (Lihat tesis Ph.D Peter Riddell, 1990: 62-63, dipetik oleh Prof. Hashim Musa, 2001: 55-56).

berkaitan agama. Antaranya, *Mir'atul Mukmin*²⁶, *Jauhar al-Haqā'iq*²⁷ dan *Mirat al-Iman*²⁸.

2.4.6 JOHOR-RIAU (1650-1800)

Selepas kemerosotan Aceh, wujud pula kerajaan Johor-Riau yang menjadi pusat perkembangan Islām di ‘Ālam Melayu terutamanya pada masa pemerintahan Yamtuan Muda Raja ‘Ali. Raja ‘Ali memang terkenal sebagai seorang yang kuat berpegang pada agama (Dr. Ismail Hamid, 1986: 149). Dalam proses perkembangan Islām di Johor-Riau, sultān dan raja bukan sahaja menjadi ketua kepada negara malah ia juga menjadi ketua agama. Tambahan pula, bagi setiap daerah di Johor-Riau, sultān telah menghantar ‘ulamā’ untuk menyebarluaskan Islām, bagi menggalakkan perkembangan Islām di Riau. Usaha baginda ialah menggalakkan ‘ulamā’ untuk menyebarluaskan da‘wah Islām bukan sahaja di Riau malah ke daerah-daerah yang lain termasuklah Inderagiri, Rokan, Kampar dan sebagainya (Sejarah Daerah Riau, 1978: 108-109).

Bagi menguatkan perkembangan Islām di Riau, baginda telah melantik saudara sepupunya Raja Ali Haji menjadi Perdana Menteri di Riau. Pada masa itu, Penyengat terkenal dan berkembang menjadi pusat ke‘ilmuan yang terkenal di ‘Ālam Melayu. Di situ didirikan pondok dan pusat pengajian agama Islām dan menjadi tumpuan penuntut seluruh ‘Ālam Melayu untuk mempelajari agama (Dr. Ismail Hamid, 1986, Op cit: 149-151). Raja ‘Ali Haji bukan sahaja seorang yang kuat berpegang pada agama malah beliau mahir dalam bidang ‘ilmu Islām termasuk ilmu teologi, undang-undang Islām,

²⁶ *Mir'atul Mukmin* bermaksud cermin perbandingan bagi orang-orang mukmin.

²⁷ *Jauhar al-Haqā'iq* bermaksud permata kebenaran.

²⁸ *Mirat al-Iman* bermaksud cermin keimanan.

tasawwuf dan bahasa ‘Arab. Di samping itu, Raja ‘Ali Haji banyak menulis buku-buku termasuk *Tuhfat al-Nafis*, *Salasilah Melayu dan Bugis*, *Bustan al-Kātibīn* dan lain-lain (Ismail Hamid, 1983: 22).

Selain itu, ‘ulamā’-‘ulamā’ juga dijemput untuk menjadi guru-guru di pusat pengajian agama di situ. Antaranya ialah Habib Syeikh al-Sagaf, Kiyai Berenjang, Syeikh Ahmad Jibrati, Sayyid ‘Abdullah Baharain (Dr. Ismail Hamid, 1986, Op cit: 151).

Bagi memperluaskan lagi ‘ilmu pengetahuan di Riau, banyak dihasilkan kitāb-kitāb terjemahan seperti kitāb tasawwuf karangan Sayyid ‘Ali Baalawi (1899 T.M), kitāb al-Hākim karangan Taj al-Dīn Abdul Fadzil Ahmad (1836T.M) (*Ibid*).

Istana Johor juga berperanan penting sebagai pusat pengajian ‘ilmu-‘ilmu Islām dan kegiatan persuratan Melayu Islām, di mana Sultān meminta Tun Sri Lanang, seorang pujangga istana mengarang buku *Sulatus al-Salātin* (Dr. Ismail Hamid, 1985: 45). Selain itu, masjid juga dijadikan sebagai pusat kegiatan da‘wah bagi para pedagang untuk menyebarkan Islām dan digunakan sebagai tempat bermusyāwarah di kalangan tokoh-tokoh agama seperti qādi, imam, khātib, bilal dan tok guru (‘ulamā’). Masjid juga berfungsi sebagai pusat pendidikan formal di Johor-Riau pada masa itu.

Pengaruh perkembangan Islām juga turut mempengaruhi bidang kesusastraan dan kesenian di Johor-Riau. Seni sastera seperti sya‘ir, gurindam, hikāyat, dhikir dan tarombo. Contohnya *Sya‘ir Perang Siak*, *Hikāyat Hasan dan Husin*, *Hikāyat Bayan Budiman* dan *Tarombo Siri* dari Tambusai. Terdapat seni suara yang bercorak Islām seperti berzanji, berdhikir, berqasidah serta seni tari seperti Tari Zapin. Manakala seni

ukir dapat dilihat seperti yang terdapat di sebuah masjid²⁹ yang indah di Pulau Penyengat Lingga (Sejarah Daerah Riau, 1978: 110-111).

Pada tahun 1890 telah lahir sebuah pertubuhan persuratan yang pertama di Riau iaitu Persekutuan *Rusydiyyah* yang dihasilkan oleh para intelektual Riau dalam menghasilkan beberapa buah karya dalam bidang bahasa, politik, sastera, sejarah, agama dan lain-lain. Untuk menyebarluaskan hasil-hasil tersebut, sebuah percetakan telah ditubuhkan di Pulau Penyengat sekitar tahun 1894 iaitu *Matba'ah al-Riauwiyyah* atau *Matba'ah al-Ahmadiyyah*³⁰. Dengan demikian pada kurun ke-19 Riau telah menjadi pusat kebudayaan dan persuratan Melayu yang utama di ‘Ālam Melayu, dengan melahirkan ramai karyawan dan hasil karya yang banyak (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001: 63).

2.4.7 PATĀNĪ (ABAD KE 15-19)

Patānī yang terletak di Selatan Thailand, berada di bawah kekuasaan kerajaan Melayu. Patānī terdiri daripada Melayu Islām yang bertutur menggunakan bahasa Melayu. Keadaan ini berbeza dengan Thai dari aspek budaya, agama dan pemikiran (Hasan Madmarni, 1999: 11).

Berdasarkan bukti-bukti sejarah, kedatangan Islām di Patānī telah tiba pada abad ke-11 atau ke-12 melalui Campa berdasarkan bukti-bukti sejarah. Namun perkembangan Islām di daerah itu bermula pada kurun ke-15 atau ke-16 (Mohd. Yusuf Hasan, 1991, Op cit: 10). Sementara pendapat lain menyatakan, bahawa sekitar abad ke-10 sudah wujud

²⁹ Dikenali sebagai Daik-Kecamatan Lingga yang mempunyai 17 buah menara yang menunjukkan bahawa 17 rakaat wajib disembahyang sehari semalam.

³⁰ Sempena nama Yang Dipertuan Muda Riau ke-10 Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi, tetapi berbeza dengan *Matba'ah al-Ahmadiyyah* yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1920 (Prof. Hashim Hj. Musa, 2001: 63)

orang Islām di Patānī dan sekitar tahun 1150 sudah ada mubaligh Patānī pergi ke Kelantan untuk menyebarkan Islām (Ibid: 58).

Berdasarkan sejarah tempatan, Islām masuk ke Patānī sekitar abad ke10/11 M. Penjelasan ini menunjukkan wujudnya dua buah batu nisan yang terdapat di kawasan perkuburan tua di kota Marhum, bekas kota Patānī pada zaman dahulu. Jaraknya lebih kurang tiga batu dari kota Patānī sekarang ini. Batu nisan itu dikatakan berasal dari makam Raja Paya Tu Naqpa atau Raja Merkah Dada³¹ (Prof. Khoo Kay Kim, et al, 1980: 49). Manakala menurut A. Teeuw dan D.K.Wyatt, proses Islamisasi di Patānī bermula apabila Raja Phaya Tu Nakpa, seorang yang memerintah kerajaan Patānī selama beberapa tahun telah memeluk Islām (Hasan Madmarn, 1999, Op cit: 13).

Kebangkitan Patānī sebagai sebuah negara Melayu semakin terkenal berikutan penerimaan Islām. Setelah Raja Patānī Payu Tu Antara menganut agama Islām, maka lahirlah sebuah kerajaan Islām Patānī Dār al Salām (Ibid: 13).

Pada awal abad ke-19, Patānī merupakan pusat pengajian tradisi Islām. Patānī telah memelihara keunikan agama dan ciri-ciri budaya yang tidak wujud di daerah lain. *Pondok*³² merupakan institusi pendidikan agama yang tertua. Ianya dijadikan sebagai tempat menuntut ‘ilmu yang diketuai oleh Tok Guru’³³. Sukatan pelajaran yang diajar di sekolah *pondok* ialah Fiqh, Usul al-Fiqh, Hadīth, Tafsīr dan Kalam. Sementara pelajaran

³¹ Beliau disebut Raja Merkah Dada, sebab penyakit yang dialaminya menimbulkan pecah-pecah di dada Raja Paya Tu Naqpa. Penyakit tersebut disembuhkan oleh Syeikh Sa'id dari Pasai, setelah raja menepati janjinya akan memeluk agama Islām.

³² Kajian telah dibuat membuktikan bahawa *pondok* merupakan institusi pendidikan agama yang pertama didirikan di Patāni dan merupakan pusat pengajian yang tertua di Asia Tenggara (Mohd. Zamperi A. Malik, 1994: 93).

³³ Merujuk kepada orang yang ‘ilm dalam ‘ilmu agama Islām, warak dan tawaduk. Tok guru juga biasanya sudah mengerjakan ‘ibādah Haji atau pernah tinggal dan belajar di Makkah atau negara Timur Tengah (Ibid: 97).

tambahan seperti akhlāq balāghah, farā' id dan mantiq (Hasan Madmarn, 1999, Op cit: 66). Dalam hāl ini, sukanan pelajaran adalah tidak seragam bagi semua pondok. Oleh sebab itu, pelajar-pelajarnya suka berpindah dari satu pondok ke pondok yang lain untuk mendapatkan ‘ilmu pengetahuan dengan lebih meluas dalam pelbagai bidang.

Melalui pendidikan ini, Patānī mampu menarik minat pelajar bukan sahaja dari dalam negeri malah meliputi seluruh ‘Ālam Melayu termasuk Malaysia, Indonesia, Burma, Filipina dan Kemboja (Ibid: 12, Mohd. Yusuf Hasan, 1991, Op cit: 61). Kewujudan pondok-pondok ini cukup terkenal sejak dahulu. Sebahagian daripadanya masih wujud sehingga sekarang seperti Pondok Dalo dengan gurunya Hj. Abd. Rahman dikenali sebagai Tok Dalo, Pondok Semla dengan gurunya Hj. Ismāil yang dikenali sebagai Tok Semla, Pondok Bermin gurunya Hj. Ahmad Idris yang dikenali sebagai Tok Bermin dan Pondok Mango dengan gurunya Hj. Hasan yang dikenali sebagai Tok Mango dan banyak lagi pondok-pondok yang tidak dicatatkan yang berada di wilayah Patānī (Ibid: 12). Keadaan ini dapat menarik minat pelajar untuk mendalami ‘ilmu-‘ilmu agama seterusnya dapat melanjutkan pengajian di Timur Tengah.

Selain daripada menjadi pusat pengajian tradisi Islām, Patānī juga terkenal di seluruh ‘Ālam Melayu sebagai pusat perkembangan ‘ilmu pengetahuan. Sumbangan besar ‘ulamā’-‘ulamā’ tempatan dapat dilihat di dalam bidang agama Islām dan bahasa Melayu. Karya-karya ‘ulamā’ Patānī secara ‘umūm banyak yang berbahasa Melayu (tulisan jawi). Pada abad ke-18, muncul ‘ulamā’-‘ulamā’ Patānī yang terkenal dalam pelbagai bidang. Antaranya, ialah Syeikh Daud al-Fathānī. Beliau seorang yang berjasa dalam dunia persuratan di Nusantara khususnya kepada masyarakat Melayu Patānī. Karya-karya beliau seperti kitāb *Furu' al-Masā'il*, *Bughyat al-Tullāb*, *Idhoh al-Bāab*,

Munyat al-Musalli dan lain-lain. Sementara Syeikh Muhd. Ismāil Dawud al-Fathānī ialah seorang lagi ‘ulamā’ Patānī yang banyak mengarang dan menterjemah kitāb-kitāb ke dalam bahasa Melayu seperti *Matla’ al-Badrayn*, *Wishah al-Afrah*, *Ad-Durrat Masnum* dan lain-lain.

Pada abad ke-19, muncul seorang lagi ‘ulamā’ terkenal Patānī iaitu Syeikh W. Ahmad Muhd. Zain bin Mustafa al-Fathāni. Beliau banyak menulis karya-karya seperti *Faridat al-Farā’id*, *al-Fatāwa al-Fataniyyah* dan lain-lain (Ibid: 60). Seorang lagi ‘ulamā’ Patānī ialah Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathānī. Beliau menulis kitāb *Kashf al-Litham ‘an As’ilat al-Anam*, *al kitab Kashf al-Litham ‘am As’ilat -Anam*, kitāb *Kashf al-Ghaybiyyah* dan lain-lain (Hasan Madmarn, 1999, Op cit: 29-30).

Selain itu, kitāb Jawi juga merupakan kitāb yang cukup terkenal di kalangan masyarakat Melayu Islām di Patānī. Contohnya kitāb *Sifat Dua Puluh* (Indonesia) dan *al-Sirat al-Mustaqīm* (al-Banjari) (Ibid: 49-50). Menurut pandangan Hasan Madmarn, kitāb Jawi ini disediakan untuk masyarakat Melayu Islām yang tidak memahami bahasa ‘Arab. Ia dijadikan sebagai asas utama untuk memahami ‘ilmu-‘ilmu Islām. Penulisan kitāb-kitāb Jawi telah ditulis oleh ‘ulamā’-‘ulamā’ terkenal di Patānī dan sebahagian ditulis oleh ‘ulamā’ dari Aceh, Banjarmasin dan lain-lain (Ibid: 49). Di samping kitāb Jawi, Patānī juga mencetak kitāb kuning (*the old classical Jawi-religious books*) (Ibid: 54).

2.4.8 BRUNEI (AKHIR KURUN KE-15)

Tidak ada tarikh yang tepat bila agama Islām masuk ke Brunei tetapi menurut saudara Yura Halim dan saudara Jamil Omar pada awal kurun yang ke XV (JHEAB, 1968: 25). Secara ‘umūm, dikatakan bahawa Islām telah berkembang di Brunei bermula daripada sebelah Barat Asia Tenggara melalui India Barat, Sumatera Utara dan Melaka dalam abad ke-16. Tetapi akhir-akhir ini, terdapat bukti di Brunei yang menunjukkan Islām mungkin datang dan berkembang di negeri ini lebih awal dari tarikh yang tersebut di atas, malah Islām datang ke Brunei melalui Campa (Vietnam) dan Pantai Timur Tanah Melayu.

Bukti lain yang menunjukkan Islām datang lebih awal dari abad ke-16 ialah tulisan-tulisan dan ukiran-ukiran yang terdapat di batu nisan *Puteri Sultan 'Abd. Majid Ibni Sultan Mohd. Shah* (1048 M), batu nisan *Tuan Pu-Kung Chin Mu* (1264 M) (Zahidah Hj. Ismail, 1987: AI). Di Limbungan dekat Bandar Seri Begawan, terdapat kubur-kubur tua Islām yang bertarikh 848 H./1444 M dan 821 H/1218 M yang menunjukkan sudah ada penempatan orang Islām pada masa itu (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 1999: 5).

Sebelum kewujudan kerajaan Melayu Islām di Brunei sebahagian masyarakat sudah menerima Islām. Ini berdasarkan kepada beberapa teori dan disokong dengan adanya batu nisan seorang Cina Islām bernama *Tuan P'u* yang meninggal di Brunei Dār al-Salām pada pertengahan abad ke-13. Fakta ini jelas menunjukkan bahawa Islām sudah sampai di Brunei pada waktu itu, cuma tidak tersebar secara meluas (Pengiran Hj. Mohd bin Pengiran Hj. Abd. Rahman, 1992: 55). Namun, Islām mula berkembang pada abad ke-15 apabila Raja Brunei yang pertama, Awang Alak Betatar telah memeluk Islām

dengan menukar namanya kepada Sultan Muhammad Syah. Sejak pengislaman baginda, corak pemerintahan dan kehidupan masyarakat Brunei Dār al Salām telah bertukar kepada zaman Islām (*Ibid*: 41).

Pada kurun ke-16, Brunei telah muncul sebagai sebuah negara yang aktif menjalankan dasar penaklukan dan usaha penyebaran Islām di sekitar Pulau Borneo dan Filipina. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 M telah mendorong Brunei menjadi salah sebuah pusat penyebaran Islām di rantau ini. Kesungguhan dan kehebatan Brunei telah diakui oleh orang-orang Sepanyol (*Ibid*: viiiii).

Penyebaran agama Islām di Brunei dilakukan oleh pedagang dan penda'wah yang berasal dari negeri 'Arab dan Parsi melalui negeri Cina, Indo-China dan Tanah Melayu. Sementara itu, penyebaran Islām di daerah-daerah pedalaman Brunei seperti Tutong, Beliat dan Temburong dilakukan oleh penduduk Melayu tempatan.

2.4.9 ISLĀM DI JAWA (SEKITAR ABAD KE 15-16)

Kemasukan Islām di Pulau Jawa juga tidak diketahui tarikh sebenar dengan tepat seperti mana kemasukan Islām ke negeri lain di Nusantara. Kemungkinan Islām berkembang di Pulau Jawa pada abad ke-7 atau ke-8 M. S.Q. Fatimi mencatatkan bahawa pada tahun 674 M, iaitu semasa pemerintahan Mu'awiyah ibn Abi Suffian, pemerintah Bani Umaiyyah yang pertama telah wujud hubungan berbaik-baik antara kerajaan itu dengan sebuah kerajaan di Jawa Timur yang dikenali sebagai Kalingga (*Ho-Ling*).

Namun demikian, bukti terawal menunjukkan wujudnya orang Islām di Jawa dengan adanya batu nisan yang tertulis Fātimah bte. Maimun ibnu Hibatu Allāh pada 475 H/1082 M (W.Abdul Rahman Latif, 1996, Op cit: 135-136). Pendapat lain pula menyatakan bahawa Islām mula bertapak di Jawa ḥāṣil usaha seorang penda'wah Islām yang bernama Raden Rahmat yang telah menubuhkan pusat kegiatannya di Ampel, Surabaya dan menjadi wali utama Pulau Jawa dengan gelaran Sunan Ampel.

Selain itu, berdasarkan catatan orang Cina pada tahun 1413, satu rombongan angkatan laut Ming (China) telah singgah di bahagian Pesisir Jawa Timur. Mereka telah tinggal bersama dengan masyarakat pendatang Cina serta penduduk tempatan. Catatan ini juga menjelaskan bahawa ramai orang keturunan Cina itu telah memeluk agama Islām.

Perkembangan Islām dikatakan mula bertapak di Giri yang merupakan tempat persinggahan bagi pedagang-pedagang Islām. Raden Paku, yang terkenal dengan panggilan Sunan Giri, merupakan orang yang pertama sebagai pelopor perkembangan Islām di daerah Giri. Sunan Giri berusaha untuk menjadikan Giri sebagai pusat keagamaan yang penting. Hal ini menyebabkan kerajaan Majapahit tidak terdaya untuk mengatasi kekuasaan agama tersebut.

Di samping itu, Giri juga menghantar para penda'wah untuk menyebarkan Islām ke daerah-daerah di luar Jawa seperti Ternate, Kepulauan Maluku dan sekitarnya (Dr. Ismail Hamid, 1986: 131). Dengan usaha ini, Giri telah berjaya meluaskan pengaruhnya ke daerah lain. Akhirnya pada tahun 1506 M, Sunan Giri meninggal dunia, tetapi perjuangannya diteruskan oleh anaknya yang bergelar Sunan Dalem.

Sejak tahun 1357, Grisek pula telah menjadi sebuah pelabuhan penting kerajaan Majapahit dan menjadi laluan persinggahan kepada pedagang-pedagang Islām yang berulang alik dari Melaka ke Kepulauan rempah Maluku pada abad ke-15. Di samping itu, Grisek juga menjadi tumpuan para ahli ṣūfī dan penda‘wah Islām. Maūlānā Mālik Ibrāhīm yang dianggap pengasas kekuasaan Islām di Jawa dan berperanan penting dalam usaha menyebarkan da‘wah Islām. Beliau telah bertanggungjawab membina *pesantran* (pondok) sebagai pusat pendidikan bukan sahaja terhad kepada pelajar-pelajar, malah bertindak sebagai pusat melatih golongan penda‘wah yang kemudiannya bertanggungjawab menyebarkan Islām ke seluruh Pulau Jawa (Azhar Hj. Mad Aros, et al, 2000: 269).

Kemudian pada tahun 1478-1568, kerajaan Demak telah didirikan. Ia diasaskan oleh seorang yang dikenali sebagai Raden Patah³⁴ (W.Abdul Rahman Latif, 1996: 136, Dr. Hj. De Graaf dan Dr. Th. G. Th. Pigeaud, 1974: 41). Beliau memakai gelaran sebagai Sultān Syah ‘Ālam Akhbār. Baginda sentiasa mengadakan sistem musyāwarah di kalangan masyarakat dan golongan penda‘wah yang juga menjadi pemimpin bagi kerajaan Jawa. Baginda sentiasa menerima nasīḥat *Wali Songo* dalam hāl yang berkaitan dengan penta‘biran dan keagamaan (K.H. Saifudin Zuhri, 1990: 362).

Kerajaan Demak berjaya meluaskan pengaruhnya ke wilayah-wilayah lain seperti Wirasari (1528), Gegelang (1529), Surabaya (1531) dan Pasuruan (1553) (Ibid: 137). Secara tidak langsung, Demak berjaya menyebarkan Islām di seluruh wilayah-wilayah ini dengan dibantu oleh *Wali Songo*.

³⁴ Raden Patah adalah putera Sri Kertabhumi dengan Puteri Campa, pewaris sejati kerajaan Majapahit.

Peranan *Wali Songo*³⁵ begitu penting dalam usaha menyebarkan agama Islām di Pulau Jawa. Mereka merupakan golongan penda'wah yang begitu aktif di seluruh Pulau Jawa bagi menyampaikan ajaran Islām. Dalam *Babad Tanah Jawa* menyatakan bahawa peranan *Wali Songo* sebagai mubaligh, guru dan juga sebagai pemimpin masyarakat yang sentiasa mendampingi sultān dalam ḥāl penta'biran, ekonomi, sosial dan sebagainya yang berteraskan kepada syari'at Islām (Ibid: 259). Mereka telah mendirikan masjid-masjid sebagai tempat pengajian 'ilmu-'ilmu Islām. Antaranya masjid Demak.

Di samping itu, mereka juga memegang jawatan penting dalam penta'biran kerajaan di Jawa dan berjaya menyekat pengaruh Hindu-Buddha. Mereka mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang. Antaranya, Sunan Kudus yang mahir dalam bidang ḥukum Islām dan urusan peng'adilan. Beliau mempunyai jabatan kira-kira yang mempunyai kedudukan yang sama dengan Ketua Mahkamah Agung atau Menteri Kehakiman. Bukan itu sahaja, beliau juga seorang panglima perang yang berjaya menyekat pengaruh Hindu-Buddha bagi kerajaan Majapahit pada masa itu (K.H. Saifudin Zuhri, 1990, Op cit: 293).

Sementara Sunan Muria seorang penda'wah (ṣūfī) dan guru yang zuhūd yang sentiasa mengajak masyarakat melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan selaras dengan pengajaran Islām yang sebenar (Ibid: 300). Sunan Bonang yang dikenali sebagai wali, pemimpin masyarakat dan seorang yang suka kepada kesenian dan budaya. Beliau banyak mengarang lagu-lagu gamelan Jawa yang bertemakan 'aqīdah, 'ibādah, akhlāq, qisah para nabī dan dongeng rakyat yang berunsurkan Islām (Ibid: 278).

³⁵ Dikenali juga sebagai *Wali Sembilan*. Antaranya ialah Sunan Ampel, Sunan Bonang, Sunan Giri, Sunan Derajat, Sunan Kali Jaga, Sunan Kudus, Sunan Gunung Jati, Sunan Muria dan Maullānā Malik Ibrahīm

Manakala Sunan Giri pula lebih menitikberatkan pendidikan dan beliau dikatakan berperanan penting bagi menyatukan masyarakat di Jawa dan mengeratkan hubungan antara Demak dengan kerajaan Pasai (K.H. Saifudin Zuhri, 1990, Op cit: 286)